

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

(25 markah)

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Produk berasaskan herba yang dihasilkan syarikat tersebut ialah barang yang paling terlaris dalam ekspo pertanian itu.

(ii) Perdana Menteri telah menghadap Yang Dipertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan Gabenor Bank Negara yang baharu.

(iii) Sebelum menemui pengarah Syarikat Bas Ekspres Maju, kami diminta untuk membuat temu janji dan mengisikan maklumat-maklumat lain dalam buku catatan yang tersedia.

(iv) Untuk mengelakkan kemalangan, semua undang-undang jalan raya yang digubal kita perlu patuhi ketika memandu.

(8 markah)

- 2 Dalam petikan dialog di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Juruacara A : Selamat pagi dan salam sejahtera. Selamat datang ke pertandingan mewarna dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor.

Juruacara B : Untuk maklumat para hadirin, peserta pada hari ini terdiri daripada murid-murid tadika dan prasekolah. Aturcara pada hari ini dimulakan dengan taklimat kepada semua peserta yang mengambil bahagian.

Juruacara A : Sementara menunggu para peserta mendengar taklimat di oditorium, wakil peserta sama ada ibu bapa atau penjaga diminta untuk melengkapkan borang penyertaan anak masing-masing.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)